

PENGUNAAN UBAT-UBATAN YANG MENGANDUNGI BAHAN TERLARANG

Muhammad Yosef Niteh¹
Maad Ahmad²
Mukhamad Khafiz Abdul Basir³
Suhaila Sharil⁴
Muhammaed Fairouz Muhammed Fathillah⁵
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Kepesatan pembangunan teknologi dalam dunia moden kini turut menyaksikan berlakunya impak yang besar dalam industri perubatan. Pelbagai isu baru timbul rentetan dari perkembangan ini yang melibatkan perbincangan akademik dalam kalangan para sarjana termasuklah berhubung dengan persoalan etika dan hukum. Dalam konteks hukum Islam semasa, banyak ijtihad telah dilakukan oleh para ulama' bagi menguraikan permasalahan halal haram bahan-bahan berkenaan ekoran timbulnya keraguan dan persoalan tentang status hukumnya. Antara hikmat Allah s.w.t yang mencipta manusia ini sangat lemah, seterusnya manusia ini terdedah kepada pelbagai jenis penyakit, atas sebab itulah Allah s.w.t menjadi setiap penyakit ada penawarnya, dan ini adalah rahmat Allah s.w.t kepada makhluk yang lemah iaitu manusia. Syariah Islam secara amnya membenarkan penggunaan ubatan yang dibuat daripada bahan-bahan yang halal, tetapi dengan kemunculan pelbagai jenis penyakit, maka terdapatlah ubat-ubatan yang dibuat daripada bahan-bahan terlarang. Di dalam artikel ini penulis akan fokus kepada hukum menggunakan ubatan yang diperbuat daripada bahan-bahan yang dilarang oleh syariah Islam.

Kata kunci: Perubatan, Industri Alkohoh, air kencing Haiwan.

PENGENALAN

Industri perubatan yang menghasilkan produk gunaan halal berkembang pesat kesan permintaan yang tinggi dalam pasaran perubatan. alkohol, bahan-bahan khinzir dan air

² PHD. Pensyarah Jabatan Kefahaman & Pemikiran Islam.myosef@kuis.edu.my

³ Pensyarah Jabatan Kefahaman & Pemikiran Islam.

⁴ Pensyarah Jabatan Kefahaman & Pemikiran Islam.

⁵ Pensyarah Jabatan Kefahaman & Pemikiran Islam.

⁶ Pensyarah Jabatan Kefahaman & Pemikiran Islam.

kencing haiwan merupakan di antara bahan aditif dan penstabil yang banyak digunakan dalam penghasilan produk-produk perubatan yang digunapakai secara dalaman atau luaran. Akhir-akhir ini, timbul pelbagai isu berhubung dengan penggunaan bahan-bahan tidak halal dalam produk gunaan perubatan itu. Isu ini timbul ekoran daripada salah faham terhadap pemahaman bahan-bahan tidak halal itu. Justeru, kertas kerja ini akan membincangkan konsep bahan-bahan tidak halal menurut perspektif hukum Islam dengan memberi pandangan fuqaha' terhadap perkara ini. Kajian ini menggunakan kaedah induktif yang menyelidik menganalisis ayat-ayat Al-Quran dan maknanya untuk mendapatkan idea yang terbaik untuk menyelesaikan masalah ini di samping menggunakan hadith-hadith yang sahih.

DAPATAN KAJIAN & PERBINCANGAN

Mengubati dengan bahan-bahan yang dilarang.

Maksud bahan-bahan yang dilarang ialah baham-bahan yang diharamkan oleh syariat Islam seperti arak, khinzir dan jenis-jenis bahan keracunan. (Khalil.Ahmad, 2008)

Menggunakan bahan-bahan yang dilarang untuk kesembuhan daripada segala penyakit, kadangkala menjadi haram atas sebab berlakunya pembaziran, kemewahan dan menunjuk-nunjuk atau ia menjadi haram atas sebab kenajisan bahan yang digunakan. Yang kedua itu lagi besar dosanya. (Taimiah, 2014).

Hukum Perubatan (*Al-Tadawi*).

Terdapat perbezaan pendapat di kalangan ulama' fiqh antaranya:

Pendapat pertama: dibenarkan secara *mutlak* ini pendapat mazhab Hanafi, Maliki dan Syafie (Ali, 2015).

Dalil-dali yang digunakan oleh pendapat ini:

عن أسامة بن شريك قال شهدت الأعراب يسألون النبي صلى الله عليه وسلم أعلينا حرج في كذا أعلينا حرج في كذا فقال لهم عباد الله وضع الله الحرج إلا من اقترض من عرض أخيه شيئاً فذاك الذي حرج فقالوا يا رسول الله هل علينا جناح ألا نتداوى قال تداواوا عباد الله

فإن الله سبحانه لم يضع داء إلا وضع معه شفاء إلا الأهرم قالوا يا رسول الله ما خير ما أعطي
العبد قال خلق حس⁷

Dalam hadis itu sangat jelas apabila baginda menjawab (تداووا عباد الله – أي نعم) (تداووا) bermakna ia boleh dan menjadi bukti yang kukuh bahawa perubatan ini adalah harus.

عن مالك عن زيد بن أسلم أن رجلا في زمان رسول الله صلى الله عليه وسلم أصابه جرح فاحتقن الجرح الدم وأن الرجل دعا رجلين من بني أتمر فنظرا إليه فزعم أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال لهما أيكما أطب فقالا أو في الطب خير يا رسول الله فزعم زيد أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال أنزل الدواء الذي أنزل الأدواء⁸

Ini juga boleh jadi bukti keharusan pengamalan perubatan memandangkan baginda tidak inkar dalam hadis tersebut.

Pendapat kedua: sebahagian daripada pengikut mazhab Syafie dan Hanafi bahawa pengamalan perubatan adalah wajib.

Dalil yang digunakan oleh pendapat ini:

عَنْ أَبِي الدَّرْدَاءِ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " إِنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ الدَّاءَ وَالِدَوَاءَ
" وَجَعَلَ لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءً فَتَدَاوَوْا وَلَا تَدَاوَوْا بِحَرَامٍ .

Pendapat ketiga: mazdhab hanbali berpendapat bahawa perubatan ini lebih baik meninggalkannya, ini yang diriwayatkan oleh imam Ahmad, syiekh al-islam ibn taimiyah bersabda “ terdapat golongan daripada tokoh-tokoh ilmunan mereka meninggalkannya dan reda dengan apa yang telah dituturkan oleh Allah s.w.t. (Taimiah, 2014).

⁷ Hadith riwayat ibn habban 13/426. Al-nisaie dalam buku al-kubra 5875.

⁸ Hadith riwayat malik dalam bukunya al-mowatto' 2/943 (1689).

HUKUM UBAT YANG DI CAMPUR DENGAN ARAK

Arak dari segi suci dan najis

Terdapat dua pendapat tentang arak sama ada ia najis atau suci:

Pendapat pertama: mazdhab hanafi, (Ali, 2015) maliki, (arab, 2008) syafie (nawawi, 2014) dan hanbali (albakillani, 2016) berpendapat bahawa arak adalah najis *aini* .

Dalil yang digunakan:

يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَمُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ
لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ

Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan Syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.

Pendapat kedua: Arak bukan najis *aini*, antara yang menyukong pendapat ini ialah rabi'ah guru kepada imam malik (alqurtubi, 2015), al muzni (alqurtubi, 2015), dawod alzahiri (IbnHazm, 2014).

Dalil yang digunakan:

- 1- Kaedah feqah الأصل في الأشياء الطهارة hukum asal segala benda yang ada di (bumi) kita adalah suci, dan arak pada asalnya suci dan tidat semestinya benda yang haram adalah najis, seperti ganja adalah haram tetapi ia suci, dan sama juga dengan pelbagai jenis dadah tiada bukti kenajisanya. (Alsana'ani, 2013). Tetapi setiap benda yang najis adalah haram, dan dilarang untuk menyentuhnya, lelaki Islam dilarang oleh syariah memakai baju yang dibuat dengan sutra juga dilarang memakai atau berhias dengan emas tetapi tidak haram untuk disentuh.
- 2-

عن أنس رضي الله عنه: أن الخمر التي أهرقت الفضيخ. وزادني محمد، عن أبي
النعمان قال:

كنت ساقى القوم في منزل أبي طلحة، فنزل تحريم الخمر، فأمر مناديا فنادى، فقال أبو
طلحة: اخرج فانظر ما هذا الصوت؟ قال: فخرجت فقلت: هذا مناد ينادي: ألا إن الخمر
قد حرمت، فقال لي: اذهب فأهرقها، قال: فجرت في سكك المدينة. قال: وكانت خمرهم
يومئذ الفضيخ، فقال بعض القوم: قتل قوم وهي في بطونهم، قال: فأنزل الله: "ليس على
الذين آمنوا وعملوا الصالحات جناح فيما طعموا".

Dulu aku pernah jadi penyuguh minuman (khamar) di rumah Abu Thalhah, dan
turunlah ayat pengharaman minuman keras. Lalu diutuslah seseorang untuk
menyerukan larangan ini. Abu Thalhah berkata, "Keluarlah dan lihat suara apakah itu".
Lalu aku keluar, dan aku berkata: "Sungguh minuman keras telah diharamkan". Ia
berkata kepadaku: "Pergi, dan tumpahkanlah". Anas berkata: "Aku pun keluar dan
menuangkannya. Saat itu khamar mengalir di jalan-jalan Madinah.

Ini bukti bahawa arak itu suci dan jikalau ia najis tidak akan di ditumpahkan sekitar
bandar dan jalan awam oleh para sahabat.

3-

عن عبد الرحمن بنِ وعَلَةَ السَّبَّيِّ من أهل مصر أنه سأل عبد الله بنَ عباس عما يعصر من
العنب فقال ابنُ عباسٍ إن رجلاً أهدى لرسول الله صلى الله عليه وسلم راوية خمر فقال له
رسول الله صلى الله عليه وسلم هل علمت أن الله قد حرّمها قال لا فسار إنساناً فقال له
رسول الله صلى الله عليه وسلم بم ساررتّه فقال أمرته ببيعها فقال إن الذي حرّم شربها حرّم
بيعها قال ففتح المزادة حتى ذهب ما فيها⁹

Dari Abdurrahman bin Wa'lah as-Saba'i Rahimalullah dari penduduk Mesir, bahwa dia
pernah bertanya kepada Abdullah bin Abbas Radhiyallahu Anhu tentang perasan
anggur. Ibnu Abbas Radhiyallahu Anhu menjawab : Suatu ketika seorang laki-laki

⁹ صحيح البخاري ٨٦٩/٢

¹⁰ أخرجه مسلم حديث رقم ١٥٧٩

menghadiahkan sekantong khamr kepada Rasulullah Shallallahu Alaihi Wasallam. beliau pun bersabda kepadanya: Belum tahukah kamu bahwa Rasulullah shallallahu ‘alaihi wasallam telah mengharamkannya? Laki-laki itu menjawab, “Belum.” Kemudian dia berbisik kepada orang yang ada di sampingnya, maka Rasulullah shallallahu ‘alaihi wasallam bersabda kepadanya: Apa yang kamu bisikkan kepadanya? dia menjawab, “Saya memerintahkan supaya menjualnya.” Beliau bersabda: “Sesungguhnya Dzat yang mengharamkan untuk meminumnya juga mengharamkan untuk menjualnya.” Abu Sa’id melanjutkan, “Kemudian laki-laki tersebut membuka kantung khamr dan menumpahkan isinya semua. (H.R. Muslim)

Dalam hadis ini Nabi shallallahu ‘alaihi wasallam tidak menyuruh untuk mencuci bejana yang digunakan untuk menyimpan khamr, hal ini menunjukkan bahawasanya khamar tidaklah najis.

Berkaitan sama ada arak najis *aini/hissi* atau maknawi , dalam ayat surah al maaiedah itu perkataan *رجس* ikut tafsir-tafsir salaf bermakna bahala *سخط* , dosa *إثم* , dan kejahatan *شر* ini bukti ia adalah najis maknawi.

Dan juga dari sedut uslub atau gaya ayat tersebut ia adalah *maknawiyyah* dan bukan *hissiyyah* perkara ini sangat jelas memandangkan arak disebut bersama dengan judi dan sebagainya.

Hukum penggunaan ubatan yang mengandungi arak.

Hukum penggunaan ubatan yang mengandungi arak terbahagi kepada dua bahagian:

- 1- Perubatan tanpa darurat, ulamak fiqah berijmak ia adalah haram.
- 2- Perubatan dengan adanya darurat, terdapat khilaf antara ulamak:
 - Sebahagian daripada ulamak Hanafi, Maliki, Syafiee dan Hambali berpendapat ia adalah haram walaupun dengan darurat.¹¹
 - Madzhab ibnu hazm al zahiri, (IbnHazm, 2014) sebahagian ulamak madzhab alsyafiee dan ahnaf berpendapat ia halal untuk darurat.

¹¹ المبسوط، حاشية ابن عابدين، المغني، إغاثة الطالبين، المجموع في شرح المهذب

Hukum ubat yang di campur dengan najis selain arak

Hukum air kencing haiwan

Pendapat yang pertama: Madzhab Hanafi dan Syafiee berpendapat semua air kencing haiwan sama ada haiwan itu boleh makan atau tidak adalah haram. (Alkasani, 2016), (Taimiah, 2014).

Dalil yang digunakan:

"عن عبد الله بن عباس رضي الله عنهما قال: مر النبي صلى الله عليه وسلم بقبرين فقال: إنهما ليعذبان وما يعذبان في كبير أما أحدهما: فكان لا يستتر من البول وأما الآخر: فكان يمشي بالنميمة, فأخذ جريدة رطبة فشققها نصفين فغرز في كل قبر واحدة فقالوا: يا رسول الله لم فعلت هذا؟ قال: لعله يخفف عنهما ما لم ييبسا"^{١٢}

Dari Ibnu ‘Abbas berkata, “*Rasulullah shallallahu ‘alaihi wasallam* lewat di dekat dua kuburan, lalu beliau bersabda: “*Sesungguhnya keduanya sedang disiksa, dan keduanya disiksa bukan karena dosa besar. Yang satu disiksa karena tidak bersuci setelah kencing, sementara yang satunya suka mengadu domba.*” Kemudian beliau mengambil sebatang dahan kurma yang masih basah, beliau lalu membelahnya menjadi dua bagian kemudian menancapkannya pada masing-masing kuburan tersebut. Para sahabat pun bertanya, “*Wahai Rasulullah, kenapa engkau melakukan ini?*” beliau menjawab: “*Semoga siksa keduanya diringankan selama batang pohon ini basah*”

Air kencing yang disebutkan dalam hadis ini adalah umum termasuk manusia dan haiwan-haiwan lain.

Pendapat yang kedua: Mazdhab Maliki, al-Zahiri dan Hanbali berpendapat air kencing haiwan yang halal dimakan adalah suci.

Dalil yang digunakan:

عن البراء قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: " ما أكل لحمه فلا بأس ببوله "

Maksud:

Sabda Rasulullah s.a.w air kencing haiwan yang digingnya halal adalah harus.

أخرجه البخاري حديث رقم ٢١٥ ومسلم حديث رقم ٢٩٢¹²

Hukum ubat-ubat yang dicampur dengan air kencing haiwan

Pendapat yang pertama:

Madzhab alsyafie dan alzhahiri: dalam keadaan darurat semua jenis air kencing haiwan sama ada yang halal dimakan atau tidak adalah halal. (nawawi, 2014). (IbnHazm, 2014).

Dalil yang digunakan:

"وَقَدْ فَصَّلَ لَكُمْ مَا حَرَّمَ عَلَيْكُمْ إِلَّا مَا اضْطُرُّرْتُمْ إِلَيْهِ" سورة الأنعام ١١٩

Pendapat yang kedua:

Madzhab hanafi dan maliki ubat yang mengandungi air kencing haiwan yang halal dimakan sahaja adalah harus. (Ibnhammam, 2010). (AlGharnati, 2012).

Dalil yang digunakan:

"عن أنس بن مالك أن ناسا من عرينة قدموا على رسول الله صلى الله عليه وسلم المدينة فاجتووها فقال لهم رسول الله صلى الله عليه وسلم إن شئتم أن تخرجوا إلى إبل الصدقة فتشربوا من ألبانها وأبوالها ففعلوا فصحوا ثم مالوا على الرعاة فقتلوهم وارتدوا عن الإسلام وساقوا ذود رسول الله صلى الله عليه وسلم فبلغ ذلك النبي صلى¹³ الله عليه وسلم فبعث في أثرهم فأتي بهم فقطع أيديهم وأرجلهم وسمل أعينهم وتركهم في الحرة حتى ماتوا".

Mereka kiaskan unta dengan haiwan lain yang halal dimakan, serta air kencing haiwan-haiwan ini adalah halal memandangkan dagingnya halal.

Pendapat yang ketiga:

Alsyafieyyah dan hanabilah (nawawi, 2014). (Albahuti, 2012) berpendapat bahawa hanya air kencing unta sahaja yang dibenarkan berdasarkan kepada hadis anas r.a itu, dan tidak boleh dikiaskan atas sebab di dalam hadis tersebut menjelaskan bahawa hanya air kencing unta sahaja yang boleh jadi ubat bukan haiwan lain.

Pendapat yang keempat:

Mazdzhah abu hanifah dan sebahagian ulama' syafieyyah berpendapat bahawa semua air kencing haiwan tidak boleh digunakan sebagai ubat.

رواه البخاري حديث رقم ٤١٩٣¹³

Dalil yang digunakan:

عن أم سلمة قالت : نبذت نبيذا في كوز ، فدخل رسول الله - صلى الله عليه وسلم - وهو يغلي ، فقال : ما هذا ؟ قلت : اشتكت ابنة لي ، فنعت لها هذا . فقال رسول الله - صلى الله عليه وسلم : إن الله لم يجعل شفاءكم فيما حرم عليكم .

KESIMPULAN

- Bukan semua alkohol itu adalah arak, tetapi arak adalah alkohol dan alkohol yang diproses pembuatan arak hukumnya najis dan haram.
- Arak adalah najis *maknawi* (suatu yang tidak dapat dilihat atau disentuh) dan bukan najis *hissi* (suatu yang dapat disentuh dan dilihat).
- Perubatan yang menggunakan arak adalah haram kecuali dengan dua syarat:
 - Pesakit yang dalam keadaan darurat dan tiada pilihan ubat yang lain dengan pengesahan pegawai perubatan bahawa ubat yang mengandungi arak sahaja yang boleh mendatangkan manfaat kepada pesakit.
 - Sekiranya kesan arak itu hilang dalam ubat hingga tiada rasa, warna dan bau, yang ini halal diguna walaupun tanpa darurat.
- Minuman atau ubatan yang diproses atau dibuat untuk tujuan perubatan dan bukan untuk menghasilkan arak adalah harus.
- Air kencing haiwan-haiwan yang halal dimakan boleh guna untuk tujuan perubatan.
- Tidak harus menggunakan ubat- ubat yang mengandungi unsur-unsur khinzir dengan adanya pilihan yang lain.

PENUTUP

Terdapat banyak bahan yang dilarang oleh syariah Islam yang diguna pakai dalam perubatan pada masa kini sama ad ia melibatkan produk kesihatan, kecantikan atau ubatan dan juga produk minuman, produk yang berasaskan ubatan sama ad pil-pil atau minuman lebih mendominasi isu yang mendasari polemik kenajisan terhadap pemilihan ubatan yang halal dalam kalangan pesakit atau pegawai perubatan. Dalam mendepani isu ini, para ulama' fiqh telah menggariskan panduan yang jelas bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah. Di samping itu diperkukuhkan lagi dengan beberapa fatwa dan pendapat semasa, justeru isi-isu berasaskan ubatan yang mengandungi bahan-bahan najis dapat ditangani dengan lebih tepat lagi.

RUJUKAN

- al Jawzi, A. R. (1403 H). *Talbis al-Iblis*. Beirut: Dar al-Qalam.
- al Jazari, M. I. (1999). *Munjid al-Muqri'in wa Mursyid al-Talibin*. Beirut: Dar al-kutub al-Alamiyah.
- Albahuti, M. (2012). *Kashaf Al Qanna'*. Cairo: Dar Al Ilm.
- albakillani, A. (2016). *Al insaf*. Cairo: Maktabah al azhariyyah.
- AlGharnati, M. (2012). *Altaj wa al ikkil* . Bairut: Dar Alkutub al ilmiyyah.
- Ali, O. (2015). *Tabyien Al-Haqaek Sharh Kanzu al-daqaiek*. Bulaq: Matba"ah al-amiriyyah al-kubra.
- Alkasani, A. (2016). *Badai'i alsanai'i*. Cairo: Dar Alkutub Al ilmiyyah .
- alqurtubi, M. (2015). *almuqaddimat*. bairut: dar al ilm.
- Alsana'ani, M. (2013). *Subulussalam syarh bulugh almaram*. bairut: Maktabah alma'arif.
- arab, i. a. (2008). *Ahkam Al Quraan*. Bairut: dar al kutub al ilmiyah.
- Basmeih, S. A. (2010). *Tafsir Pimpinan ar-Rahman Pengertian Kepada al-Quran*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Ibn al-Jazari, M. b. (t.th). *al-Nashr fi al-Qiraat al-Ashr*. Beirut: Dar al-Kutb al-Alamiyah.
- Ibnhammam, K. (2010). *Fathu alqadir*. Bairut: Dar al Fikir.
- IbnHazm, A. (2014). *Al Muhalla*. Bairut: Dar al kutub al ilmiyyah.
- Khalil.Ahmad. (2008). *Hukum Perubatan Traditional*. Jeddah: Dar-al-risalah.
- nawawi, y. a. (2014). *Al majmuk*. Jeddah: maktabah al irsyad.
- Qabah, a. H. (1999). *al-Qiraat al-Quraniyyah*. Beirut: Dar al-Gharb.
- Qastalani, A. b. (T.th). *Lataif al Isyarat li Funun al Qiraat*. Makkah: Majma' al Malik Fahd li Tiba'ah al Mushaf al Syarif
- Taimiah, I. (2014). *Majmuk Al-Fatawi*. Riyadh: Dar-Al ilm.
- Ubaidi, F. (2006). *al-Jam' al-Qira'at al-Mutawatirah*. Beirut: Dar Ibn Hazm.